



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

EKOSISTEM ANGKASA MALAYSIA DIPERKUKUH MELALUI PENGUATKUASAAN PENUH AKTA LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2022 [AKTA 834]

PUTRAJAYA, 13 Februari 2025 – Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan sepenuhnya **Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834]** dan **Peraturan-Peraturan Lembaga Angkasa Malaysia 2024** mulai **1 Januari 2025**, menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan ekosistem angkasa negara. Langkah ini selaras dengan Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) yang menekankan tadbir urus yang baik, inovasi, dan pemantapan kapasiti angkasa untuk pembangunan global yang mampan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Chang Lih Kang, menyatakan bahawa Akta 834 adalah langkah strategik bagi memastikan Malaysia bersedia menghadapi cabaran dan peluang dalam sektor angkasa global. Akta ini menyediakan rangka kawal selia menyeluruh, merangkumi:

- **Pelesenan aktiviti angkasa** – termasuk pelancaran dan pengoperasian objek angkasa berdasarkan piawaian antarabangsa.
- **Pengurusan insiden dan kemalangan** – menangani kemalangan yang melibatkan objek angkasa bagi melindungi negara daripada liabiliti antarabangsa.
- **Perlindungan dan liabiliti** – peruntukan berkaitan liabiliti dan perlindungan terhadap Kerajaan daripada tuntutan ganti rugi kerosakan yang disebabkan oleh pelancaran dan pengoperasian objek angkasa.

Penguatkuasaan penuh Akta 834 bukan sahaja memastikan kawal selia yang cekap tetapi juga merancakkan inovasi dan penyertaan sektor swasta dalam industri angkasa. Malaysia kini berada di landasan kukuh untuk memulakan ratifikasi triti angkasa di bawah United Nations Committee on Peaceful Uses of Outer Space (UNCOPUOS), sekaligus memperkukuh ekosistem perundangan angkasa negara.

Seiring dengan strategi DAN2030, sektor angkasa dijangka menyumbang kepada:

- 1% KDNK negara (RM10 bilion)
- 5,000 peluang pekerjaan baharu
- RM40 juta kepada pasaran data dan perkhidmatan aplikasi teknologi angkasa

MOSTI menyeru agensi kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat untuk berganding bahu merealisasikan visi Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang 2030, berlandaskan prinsip MADANI dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

– TAMAT –

Dikeluarkan oleh :

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
13 FEBRUARI 2025**

Maklumat Tambahan Mengenai Penguatkuasaan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834]

Penguatkuasaan penuh Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] dan Peraturan-Peraturan Lembaga Angkasa Malaysia 2024 mulai 1 Januari 2025 adalah langkah strategik dalam memastikan pembangunan sektor angkasa negara lebih tersusun, terkawal, dan berdaya saing di peringkat global. Berikut adalah maklumat tambahan yang memperincikan impak dan pelaksanaan Akta ini.

Peranan Bahagian Penguasa Angkasa, MOSTI

Akta 834 akan dilaksanakan di bawah pengawalseliaan Bahagian Penguasa Angkasa, MOSTI, yang berperanan sebagai agensi penguatkuasaan utama bagi memastikan:

- ♦ Kawal selia aktiviti angkasa berjalan lancar dan mematuhi piawaian antarabangsa.
- ♦ Pelesenan dan pendaftaran objek angkasa dilaksanakan dengan ketat.
- ♦ Pengurusan insiden dan kemalangan angkasa dikendalikan secara sistematik.
- ♦ Perlindungan undang-undang terhadap liabiliti dan risiko berkaitan aktiviti angkasa.

Sebagai badan bertanggungjawab, Bahagian Penguasa Angkasa akan memastikan aktiviti angkasa di Malaysia berkembang dengan terjamin, mampan, dan selamat.

Perincian Dasar Pelesenan dan Kawal Selia

Akta 834 menetapkan mekanisme pelesenan bagi memastikan semua aktiviti angkasa beroperasi secara terkawal dan memenuhi standard keselamatan antarabangsa. Elemen utama termasuk:

- ♦ Lesen Keselamatan Aktiviti Angkasa – Mengawal aspek keselamatan bagi aktiviti berkaitan angkasa.
- ♦ Permit Pelancaran – Diperlukan oleh penyedia perkhidmatan yang menjalankan aktiviti pelancaran objek angkasa dari fasiliti pelancaran dalam Malaysia.
- ♦ Perakuan Pelancaran – Diperlukan oleh pemilik objek angkasa yang melancarkan objek angkasa dari fasiliti di dalam dan luar Malaysia.
- ♦ Pendaftaran Objek Angkasa – Objek angkasa yang berjaya dilancarkan dan berada di orbit mesti didaftarkan bagi tujuan pemantauan dan kawal selia.

Sistem perlesenan ini akan membantu dalam pemantauan aktiviti pelancaran dan operasi objek angkasa bagi mengelakkan sebarang risiko keselamatan serta memastikan pematuhan kepada konvensyen antarabangsa.

Pengurusan Insiden dan Kemalangan Objek Angkasa

Bagi menangani insiden dan kemalangan objek angkasa yang boleh menimbulkan liabiliti antarabangsa, Akta 834 menyediakan kerangka undang-undang yang jelas termasuk:

- ♦ Penemuan objek angkasa dan pengurusan insiden – Mengatur prosedur apabila objek angkasa ditemui atau mengalami kegagalan teknikal.
- ♦ Pengurusan personel atau penumpang kapal angkasa – Menangani kes-kes melibatkan angkasawan atau individu lain yang terlibat dalam penerbangan angkasa.
- ♦ Liabiliti antarabangsa – Memastikan perlindungan terhadap kerajaan Malaysia daripada tuntutan ganti rugi akibat insiden berkaitan objek angkasa.

Sebagai contoh, sekiranya serpihan satelit Malaysia jatuh ke negara lain, Akta ini memastikan ada prosedur undang-undang yang jelas dalam menyelesaikan tuntutan dan liabiliti yang timbul.

Hubungan Akta 834 dengan Undang-Undang Sedia Ada

Akta ini turut mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa agar ia selaras dengan undang-undang negara yang lain, termasuk:

- ♦ Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] – Berkaitan aspek telekomunikasi satelit dan penyiaran.
- ♦ Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3] – Berkaitan dengan ruang udara dan penerbangan.
- ♦ Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708] – Berkaitan kawalan eksport teknologi berkepentingan strategik.

Gabungan Akta 834 dengan undang-undang sedia ada ini memastikan pengurusan sektor angkasa lebih menyeluruh dan bersepadu, mengelakkan percanggahan dan kelemahan dalam penguatkuasaan.

Peraturan-Peraturan Lembaga Angkasa Malaysia 2024

Sejajar dengan penguatkuasaan Akta 834, Peraturan-Peraturan Lembaga Angkasa Malaysia 2024 turut diperkenalkan bagi melengkapkan pelaksanaan Akta ini. Peraturan ini memperincikan:

- ♦ Proses permohonan pelesenan, permit pelancaran dan perakuan pelancaran
- ♦ Bayaran fi bagi pelesenan dan permit
- ♦ Tempoh sah laku lesen dan permit

Dengan adanya peraturan ini, pelaksanaan Akta 834 akan menjadi lebih sistematis, konsisten, dan menyeluruh, memastikan setiap aspek kawal selia dapat dijalankan dengan berkesan.

Penyertaan Malaysia dalam Triti Angkasa Antarabangsa

Penguatkuasaan Akta 834 akan meletakkan Malaysia dalam kedudukan lebih kukuh untuk meratifikasi triti angkasa di bawah United Nations Committee on Peaceful Uses of Outer Space (UNCOPUOS).

Dengan penyertaan dalam triti ini, Malaysia akan dapat:

- ♦ Meningkatkan kredibiliti dalam pentadbiran sektor angkasa global.
- ♦ Memudahkan kerjasama antarabangsa dalam bidang teknologi angkasa.
- ♦ Mengukuhkan ekosistem perundangan angkasa negara untuk jangka panjang.

Ini akan menjadikan Malaysia sebahagian daripada komuniti angkasa antarabangsa yang berperanan dalam penggunaan angkasa secara aman dan mampan.